

JABATAN PERDANA MENTERI
PETROLIAM NASIONAL BERHAD (PETRONAS)
3. Institute of Technology PETRONAS Sdn. Bhd.

FAKTA UTAMA

26.07.1995	RM20 juta	RM1.347 billion
Tarikh ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 [<i>Akta 125</i>]	Modal berbayar	Keuntungan terkumpul setakat 31 Disember 2021
Objektif penubuhan	Menjalankan perniagaan universiti swasta	
Aktiviti utama	Menguruskan Universiti Teknologi PETRONAS sebagai sebuah universiti swasta yang menyediakan program pengajian peringkat asasi hingga doktor falsafah dalam bidang kejuruteraan, sains, teknologi dan pengurusan perniagaan	
Jenis syarikat	Syarikat berhad menurut syer	


1. LATAR BELAKANG

1.1. Institute of Technology PETRONAS Sdn. Bhd. (ITPSB) merupakan syarikat subsidiari milik penuh Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) dengan modal berbayar berjumlah RM20 juta. ITPSB telah ditubuhkan pada 26 Julai 1995 di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]. PETRONAS ialah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang dikawal selia oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM).

1.2. Berdasarkan Perlembagaan Syarikat, objektif penubuhan ITPSB adalah untuk menjalankan perniagaan universiti swasta. Pada 10 Januari 1997, Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) telah ditubuhkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*] susulan daripada pelawaan kerajaan kepada PETRONAS untuk menubuhkan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS).

1.3. Berdasarkan Seksyen 12 Akta 555, IPTS hendaklah dimiliki dan diuruskan oleh syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965. Oleh itu, Lembaga Pengarah PETRONAS telah bersetuju supaya ITPSB menjadi entiti undang-undang yang memiliki dan menguruskan UTP berdasarkan Perlembagaan Universiti dan had kuasa yang ditetapkan oleh ITPSB. Struktur tadbir urus dan perundangan antara ITPSB dan UTP adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1 STRUKTUR TADBIR URUS DAN PERUNDANGAN ANTARA ITPSB DAN UTP



Sumber: Jabatan Undang-Undang dan Kesetiausahaan ITPSB

Nota: Seksyen 12 Akta 555 menetapkan kriteria yang perlu dipatuhi oleh syarikat yang menguruskan IPTS termasuklah modal berbayar, komposisi Lembaga Pengarah serta objektif penubuhan syarikat.


1.4. ITPSB menguruskan UTP sebagai sebuah IPTS yang menyediakan program pengajian peringkat asasi hingga doktor falsafah dalam bidang kejuruteraan, sains, teknologi dan pengurusan perniagaan. Pengurusan UTP perlu mematuhi Akta 555 serta mendukung aspirasi dan polisi kerajaan serta PETRONAS selaku pemegang saham. ITPSB menerima sumbangan PETRONAS berbentuk geran melalui Yayasan UTP (YUTP)¹ bagi menampung perbelanjaan operasi dan pembangunan UTP. Selain itu, ITPSB juga menerima sumber kewangan antaranya melalui sumbangan alumni, geran penyelidikan, *endowmen* dan harta intelek. ITPSB beroperasi dalam persekitaran perniagaan universiti swasta yang mementingkan keperluan pasaran dan pelanggan untuk memberikan perkhidmatan pendidikan tinggi yang terbaik.

1.5. Tiga aktiviti utama yang berkaitan secara langsung dengan pengurusan UTP ialah pengajaran dan pembelajaran; penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan; serta hal ehwal pelajar. Dua aktiviti utama lain yang secara tidak langsung berkaitan dengan pengurusan UTP ialah pelan perniagaan dan belanjawan; serta kesihatan, keselamatan dan persekitaran (HSE). Selain itu, bagi menyokong pelaksanaan aktiviti utama, dua proses perniagaan utama terlibat ialah kewangan dan pentadbiran.

1.6. Keseluruhan input dan proses perniagaan utama menyokong visi dan misi penubuhan UTP untuk melahirkan graduan yang holistik, menghasilkan kekayaan intelek,

¹ Yayasan UTP telah ditubuhkan pada tahun 2007 untuk mempromosi usaha pendidikan serta menyokong pembangunan masa depan UTP sebagai sebuah institusi akademik yang cemerlang. Yayasan UTP diuruskan oleh Lembaga Pemegang Amanah yang terdiri daripada individu terkemuka dari industri dan ahli akademik.

menjadi peneraju teknologi, model teknologi pendidikan, pusat kecemerlangan pendidikan serta memacu kreativiti dan inovasi. Model perniagaan ITPSB adalah seperti dalam **Carta 2**.



Sumber: Bahagian Perancangan Strategik Korporat ITPSB

1.7. Bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, jumlah pendapatan ITPSB ialah RM1.335 bilion. Geran daripada YUTP menyumbangkan pendapatan terbesar ITPSB berjumlah RM756.87 juta (56.7%) manakala pendapatan operasi menyumbangkan RM334.59 juta (25%). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.


JADUAL 1
PECAHAN PENDAPATAN ITPSB BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

PENDAPATAN		AMAUN			
		(RM Juta)		(%)	
Pendapatan Operasi	- Yuran Pengajian	281.96	334.59	21.1	25.0
	- Yuran Kolej Kediaman	21.61		1.6	
	- Caj Perkhidmatan Lain	31.02		2.3	
Pendapatan Lain		212.03		15.9	
Geran daripada Yayasan UTP		756.87		56.7	
Geran daripada The Petroleum Research Fund		31.65		2.4	
JUMLAH		1,335.14		100	

Sumber: Penyata Kewangan ITPSB Beraudit bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021

1.8. Setakat 31 Julai 2022, ITPSB mempunyai lima ahli Lembaga Pengarah berstatus Pengarah Bukan Bebas. Pengurusan ITPSB diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) merangkap Naib Canselor UTP. ITPSB mempunyai sembilan bahagian dan satu jabatan yang diketuai oleh ketua bahagian/jabatan. Pengisian perjawatan ITPSB ialah 763 (86.7%) daripada 880 jawatan. Struktur organisasi ITPSB pada 31 Julai 2022 adalah seperti dalam **Carta 3**.

CARTA 3
STRUKTUR ORGANISASI ITPSB PADA 31 JULAI 2022



Sumber: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Pentadbiran ITPSB

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan ITPSB melalui pengurusan UTP sebagai universiti swasta dilaksanakan dengan cekap dan berkesan; amalan tadbir urus korporat yang baik; dan kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Bagi pengauditan aktiviti, berdasarkan penilaian risiko, pengauditan dijalankan terhadap aktiviti utama universiti swasta UTP iaitu pengajaran dan pembelajaran; serta hal ehwal pelajar bagi tahun 2019 hingga bulan Julai 2022. Dua aktiviti ini dipilih untuk pengauditan kerana selaras dengan objektif penubuhan ITPSB dan merupakan aktiviti utama UTP sebagai universiti swasta yang dibiayai melalui geran daripada YUTP.

3.2. Dua bidang utama yang dinilai bagi pengauditan aktiviti ialah prestasi dan pengurusan aktiviti. Prestasi aktiviti dinilai daripada aspek pencapaian output dan keberhasilan. Pengurusan aktiviti melibatkan dua perkara iaitu pengurusan pengajaran dan pembelajaran; serta pengurusan kolej kediaman pelajar. Pengurusan kolej kediaman pelajar merupakan antara perkara dalam aktiviti hal ehwal pelajar yang berkaitan secara langsung dengan pelanggan utama syarikat iaitu pelajar UTP. Pengauditan ini juga

melibatkan sembilan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, CEO, Setiausaha Syarikat, Pelan Strategik, Pelan Perniagaan dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Prosedur Operasi Standard (SOP), Jawatankuasa Audit, Audit Dalam serta Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan bagi tahun 2019 hingga bulan Julai 2022. Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit tahun 2019, 2020 dan 2021.

3.3. Pengauditan telah dijalankan di UTP, Seri Iskandar, Perak dan pejabat Setiausaha Syarikat di Menara Berkembar PETRONAS, Kuala Lumpur.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

4.1. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, kontrak, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan ITPSB serta menganalisis data berkaitan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta kolej kediaman pelajar. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dijalankan bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

4.2. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan ITPSB yang telah diaudit oleh Tetuan Ernst & Young PLT bagi tahun 2019 hingga 2021. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan; serta analisis aliran tunai.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Jun hingga Ogos 2022. Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada ITPSB telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 6 Oktober 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

5.1. Prestasi Aktiviti

Bagi menilai aspek prestasi aktiviti, dua aspek utama disemak iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan.

5.1.1. Pencapaian Output

Penilaian Audit terhadap pencapaian output dilaksanakan dengan menganalisis empat perkara utama iaitu Petunjuk Prestasi Utama (KPI), prestasi pengambilan pelajar, prestasi pencapaian akademik dan prestasi kutipan yuran pelajar.

5.1.1.1. Petunjuk Prestasi Utama

- a. Berdasarkan Pelan Perniagaan tahunan ITPSB, syarikat perlu mencapai lima KPI yang ditetapkan.² Setiap KPI mempunyai indikator khusus untuk penetapan sasaran dan mengukur prestasi pencapaian. Analisis Audit terhadap pencapaian KPI ITPSB bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 mendapati KPI 1 dan KPI 3 mencapai sasaran yang ditetapkan bagi semua indikator. Bagi **KPI 2, KPI 4 dan KPI 5 pula tidak mencapai sasaran yang ditetapkan**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
SASARAN DAN PENCAPAIAN KPI ITPSB BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

KPI	2019		2020		2021	
	SI	PI	SI	PI	SI	PI
KPI 1 - Keunggulan Global	3	3	2	2	1	1
KPI 2 - Kedudukan Akademik	3	2	3	2	2	1
KPI 3 - Pengiktirafan Penyelidikan dan Inovasi	3	3	3	3	2	2
KPI 4 - Pembangunan Pelajar	3	2	3	0	6	5
KPI 5 - Kecemerlangan Operasi	5	2	5	3	4	3
JUMLAH	17	12	16	10	15	12

Sumber: Prestasi Perniagaan UTP Bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021

Nota: SI - Bilangan Indikator Disasarkan

PI - Bilangan Indikator Mencapai Sasaran

- b. Analisis terperinci Audit terhadap pencapaian KPI ITPSB bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti berikut:
- KPI 1 – Keunggulan Global:** Semua indikator mencapai sasaran yang ditetapkan. Indikator tersebut ialah penarafan UTP di peringkat Asia dan antarabangsa melalui QS³ Star Rating, QS Asia University Ranking (AUR) dan QS World University Ranking (WUR). Analisis Audit terhadap penarafan UTP diterangkan dalam **perenggan 5.1.2.1..**
 - KPI 2 – Kedudukan Akademik:** Dua daripada tiga indikator yang mencapai sasaran pada tahun 2019 dan 2020 ialah Penarafan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SETARA) dan peratus fakulti antarabangsa. **Indikator yang tidak mencapai sasaran bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 ialah peratus pelajar**

² KPI 1 - Keunggulan Global; KPI 2 - Kedudukan Akademik; KPI 3 - Pengiktirafan Penyelidikan dan Inovasi; KPI 4 - Pembangunan Pelajar; KPI 5 - Kecemerlangan Operasi

³ QS - Quacquarelli Symonds ialah syarikat yang menerbitkan penarafan universiti secara tahunan di peringkat antarabangsa

antarabangsa. Analisis Audit mendapati pencapaian peratus pelajar antarabangsa adalah antara 10.2% hingga 11.1% berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu 12% bagi tempoh tersebut. ITPSB memaklumkan pandemik Covid-19 telah mempengaruhi pemasaran luar negara secara fizikal dan menjejaskan kemasukan pelajar antarabangsa ke UTP. Pada tahun 2021, indikator SETARA telah dinilai secara berasingan sebagai KPI Tambahan (KPI R2). Oleh itu, indikator peratus fakulti antarabangsa telah mencapai sasaran pada tahun 2021 manakala peratus pelajar antarabangsa tidak mencapai sasaran pada tahun tersebut.

- iii. **KPI 3 – Pengiktirafan Penyelidikan dan Inovasi:** Semua indikator mencapai sasaran yang ditetapkan. Indikator tersebut ialah penerbitan artikel bagi jurnal Quartile 1 dan Quartile 2;⁴ penarafan Malaysia Research Assessment (MYRA); serta geran penyelidikan baharu yang diperoleh. Semakan Audit mendapati indikator penarafan MYRA telah dinilai secara berasingan sebagai KPI R2 pada tahun 2021.
- iv. **KPI 4 – Pembangunan Pelajar:** Dua indikator yang mencapai sasaran pada tahun 2019 ialah peratus kebolehpasaran graduan ijazah sarjana muda dan peratus mobiliti antarabangsa pelajar ijazah sarjana muda (outbound). Indikator bilangan pendaftaran pelajar baharu hampir mencapai sasaran bagi tempoh tiga tahun dengan pencapaian antara 96.4% hingga 99.4%. **Pada tahun 2020, kesemua tiga indikator tidak mencapai sasaran.** Analisis Audit mendapati indikator peratus kebolehpasaran graduan ijazah sarjana muda dan peratus *outbound student* masing-masing mencapai 85.4% dan 30% berbanding sasaran. ITPSB memaklumkan ketidakcapaian KPI pada tahun 2020 sebahagian besarnya disebabkan oleh pandemik Covid-19. Analisis selanjutnya mendapati tiga indikator baharu telah diwujudkan pada tahun 2021 iaitu penglibatan pelajar dalam aktiviti kemasyarakatan, keusahawanan serta bilangan *inbound student*.⁵ Kesemua indikator baharu ini telah mencapai sasaran ditetapkan. Selain itu, dua indikator lain yang mencapai sasaran pada tahun 2021 ialah kebolehpasaran graduan ijazah sarjana muda dan *outbound student* manakala bilangan pendaftaran pelajar baharu tidak mencapai sasaran pada tahun tersebut.


⁴ Merupakan sistem penarafan jurnal bereputasi berdasarkan subjek atau kategori bidang jurnal berkaitan dengan jumlah Quartile ialah empat. Quartile 1 bermaksud 25% jurnal yang paling berpengaruh manakala Quartile 2 bermaksud 25% jurnal kurang berpengaruh daripada Quartile 1.

⁵ Program Pertukaran Pelajar iaitu pelajar universiti atau institusi lain boleh mengikuti pengajian di UTP.


v. KPI 5 – Kecemerlangan Operasi

- Indikator peratus pengoptimuman perbelanjaan mengurus (OPEX) mencapai sasaran bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Indikator penjimatan projek Sustainability through Culture, Optimization Roadmaps and Empowerment (SCORE) pula mencapai sasaran bagi tahun 2019 dan 2020 tetapi tidak lagi dinilai pada tahun 2021. Indikator Lost Time Accident/Lost Time Incident (LTA/LTI) tidak mencapai sasaran sifar insiden pada tahun 2019 kerana terdapat satu insiden kecederaan seorang pengawal keselamatan wanita semasa membuat rondaan di kolej kediaman. Bagaimanapun, indikator LTA/LTI mencapai sasaran pada tahun 2020 dan 2021. Sasaran bagi indikator pendapatan pula tidak dicapai pada tahun 2019 dan 2020 dengan pencapaian 89.1% dan 91% masing-masing. Indikator peratus penggunaan perbelanjaan modal (CAPEX) tidak mencapai sasaran bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 dengan pencapaian antara 48.4% hingga 66.3%.
- Semakan Audit terhadap penyata kewangan beraudit ITPSB mendapati **pendapatan dan perbelanjaan menunjukkan trend penurunan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.** Penurunan ini disumbangkan oleh penurunan penerimaan geran daripada YUTP meliputi perbelanjaan modal akibat penangguhan projek pembinaan kolej kediaman dan pusat pelajar yang baharu. Perkara ini adalah selari dengan ketidakcapaian KPI 5 bagi indikator pendapatan dan peratus penggunaan CAPEX. ITPSB menunjukkan penurunan prestasi kewangan apabila merekodkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM20 juta pada tahun 2021 berbanding keuntungan sebelum cukai pada tahun 2020 (RM89.29 juta) dan 2019 (RM109.57 juta). Kerugian ini menurunkan keuntungan terkumpul pada tahun 2021 kepada RM1.347 bilion iaitu penurunan sejumlah RM20.02 juta (1.5%) berbanding tahun 2020. Trend pendapatan, perbelanjaan, keuntungan sebelum cukai dan keuntungan terkumpul bagi tempoh tiga tahun berkaitan adalah seperti dalam **Carta 4** dan **Carta 5**.

CARTA 4
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021



CARTA 5
TREND KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM
CUKAI DAN KEUNTUNGAN TERKUMPUL
BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit ITPSB Tahun 2019, 2020 dan 2021

c. KPI Tambahan (R2)

- i. KPI R2 ditetapkan bagi menyokong pelan strategik dan aspirasi UTP. Sejumlah lima indikator pada tahun 2019 dan 2020 serta empat indikator pada tahun 2021 telah ditetapkan.
- ii. Analisis Audit terhadap pencapaian KPI R2 bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 mendapati kesemua lima indikator mencapai sasaran pada tahun 2019. **Pada tahun 2020, hanya dua daripada lima indikator mencapai sasaran manakala pada tahun 2021, tiga daripada empat indikator mencapai sasaran.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
SASARAN DAN PENCAPAIAN KPI R2 ITPSB BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

INDIKATOR	2019			2020			2021		
	S	P	%	S	P	%	S	P	%
QS Asia University Ranking (AUR)*	90	82	100	50	70	71.4	67	72	93.1
Peratus Mobiliti Antarabangsa Pelajar Ijazah Sarjana Muda (Outbound) (%/Bilangan)	42 (609)	45 (654)	100	60 (871)	18 (266)	30.0	Diganti dengan indikator SETARA dan MYRA		
Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kemasyarakatan (%/Bilangan)	60 (800)	60 (807)	100	70 (960)	48 (685)	68.6			
Penglibatan Pelajar dalam Keusahawanan (%/Bilangan)	2 (114)	2.05 (117)	100	2.5 (143)	2.8 (160)	100			
Penjimatan Projek SCORE (RM Juta)**	30	31.53	100	Dinilai bersama dengan indikator pengoptimuman kos			Diganti dengan indikator kebergantungan kewangan untuk perbelanjaan mengurus daripada PETRONAS		
Pengoptimuman Kos berjumlah RM150 juta (kumulatif sehingga 31 Disember 2020) (RM Juta)**	95	152.43	100	150	161.90	100			
Penarafan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SETARA)	ITPSB telah menilai semula kesesuaian indikator yang digunakan bagi menilai pencapaian KPI R2 pada tahun 2021 supaya selari dengan aspirasi UTP iaitu Ke Arah Kemapanan Dalam Keunggulan Global.						6/6	6/6	100
Penarafan Malaysia Research Assessment (MYRA)							6	6	100
Kebergantungan Kewangan untuk Perbelanjaan Mengurus daripada PETRONAS antara RM150 juta hingga RM180 juta setahun (RM Juta)***							150-180	122.70	100

Sumber: Prestasi Perniagaan UTP Bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021

Nota: (*) - Peratus pencapaian adalah 100% jika penarafan kurang daripada sasaran. Jika penarafan melebihi sasaran, peratus pencapaian dikira berdasarkan sasaran/pencapaian

(**) - Dikira sebagai satu indikator yang disasarkan pada tahun 2019

(***) - Peratus pencapaian adalah 100% jika perbelanjaan mengurus kurang daripada sasaran

S - Sasaran P - Pencapaian % - Peratus Pencapaian

- iii. Analisis terperinci Audit terhadap pencapaian KPI R2 bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 mendapati penarafan QS AUR menunjukkan peningkatan dalam penarafan bagi UTP pada tahun 2020 walaupun tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu kedudukan 50 terbaik. Selain itu, ketidakcapaian indikator peratus *outbound student* dan penglibatan pelajar dalam aktiviti kemasyarakatan pada tahun 2020 dipengaruhi oleh pandemik Covid-19.

Maklum balas ITPSB yang diterima pada 28 Oktober 2022

Bagi aspek KPI 2, peratus pelajar antarabangsa yang tidak mencapai sasaran bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 disebabkan oleh pandemik Covid-19. Bagi tahun 2022, beberapa aktiviti pemasaran luar negara telah dijalankan selepas sekatan dibuka namun sasaran peratus pelajar antarabangsa masih belum dicapai. Terdapat pelbagai cabaran untuk menarik pelajar antarabangsa masuk ke UTP namun usaha berterusan masih dilaksanakan. Indikator bagi peratus pelajar antarabangsa juga masih perlu dikekalkan dalam KPI walaupun tidak mencapai sasaran kerana mempunyai impak terhadap penarafan UTP.

Bagi aspek KPI 4, prestasi pendaftaran pelajar baharu bagi tahun 2022 telah melebihi sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, bagi tahun 2020 dan 2021, pandemik Covid-19 telah mengehadkan aktiviti pemasaran dan menyebabkan pendaftaran pelajar baharu kurang daripada sasaran. Sasaran peratus *outbound student* dan peratus kebolehpasaran graduan ijazah sarjana muda masih dikemaskinikan bagi suku ketiga tahun 2022.

Bagi aspek KPI 5, indikator peratus penggunaan CAPEX tidak mencapai sasaran bagi tempoh tiga tahun disebabkan oleh kelewatan tahap kemajuan projek berbanding dengan sasaran bagi projek kediaman pelajar dan pusat pelajar yang baharu berikutan penangguhan dan proses tender semula. Tambahan pula, bagi perbelanjaan modal lain, proses pembelian dan penghantaran juga terjejas akibat pandemik Covid-19. Pihak syarikat akan mengkaji semula sasaran perbelanjaan modal dan KPI sewajarnya pada masa akan datang.

Bagi aspek KPI R2, pihak syarikat akan melaporkan pencapaian KPI R2 bagi tahun 2022 pada bulan Februari 2023 dan akan memberikan maklum balas berdasarkan laporan tersebut. Pihak syarikat juga akan mengkaji semula sasaran bagi tahun 2023.

Pendapat Audit	Pencapaian KPI ITPSB berbanding sasaran sepanjang tempoh tahun 2019 hingga 2021 adalah memuaskan. Bagi tempoh yang sama, tiga daripada lima KPI tidak mencapai sasaran kerana dipengaruhi oleh pandemik Covid-19.
-----------------------	--

5.1.1.2. Prestasi Pengambilan Pelajar

- a. Berdasarkan Pelan Perniagaan tahunan ITPSB, syarikat hendaklah mencapai sasaran 1,800 bilangan pendaftaran pelajar baharu di UTP setiap tahun. Kapasiti pendaftaran pelajar baharu setiap tahun (kapasiti semasa) yang boleh ditampung UTP berdasarkan Profil Risiko UTP bagi program asasi dan ijazah sarjana muda ialah 1,400 dan program pascasiswazah ialah 400. Pengambilan bilangan pelajar yang seimbang dengan kapasiti universiti membolehkan kemudahan universiti digunakan secara optimum dan meningkatkan kemapanan kewangan UTP.
- b. Bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Julai 2022, semakan Audit mendapati pendaftaran pelajar baharu berbanding sasaran adalah antara 574 (31.9%) hingga 1,768 (98.2%) bagi keseluruhan program pengajian. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU UTP BERBANDING SASARAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 31 JULAI 2022

TAHUN	BILANGAN PELAJAR BAHARU		PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU BERBANDING SASARAN (%) [(b)/(a) x 100]
	SASARAN (a)	DAFTAR (b)	
2019	1,800	1,640	91.1
2020	1,800	1,691	93.9
2021	1,800	1,768	98.2
2022*	1,800	574	31.9

Sumber: Rekod Pengambilan Pelajar UTP

Nota: (*) - Setakat 31 Julai 2022

- c. Analisis selanjutnya mendapati **trend penawaran penempatan oleh UTP tidak sepadan iaitu melebihi kapasiti semasa universiti walaupun pendaftaran sebenar pelajar baharu adalah kurang daripada kapasiti semasa universiti** kecuali pada tahun 2019 (pascasiswazah) dan 2021 (asasi dan ijazah sarjana muda). Pendaftaran pelajar baharu telah melebihi kapasiti semasa universiti sebanyak 64 (464 berbanding 400) pelajar pascasiswazah pada tahun 2019 dan 32 (1,432 berbanding 1,400) pelajar asasi dan ijazah sarjana muda pada tahun 2021. Peratus pendaftaran pelajar baharu berbanding tawaran adalah antara 14.3% hingga 80.3%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PRESTASI PENGAMBILAN PELAJAR BAHARU
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 31 JULAI 2022

PERINGKAT PENGAJIAN (Kapasiti Semasa)	TAHUN	BILANGAN			PERATUS PENDAFTARAN BERBANDING TAWARAN (%) [(b)/(a) x 100]
		MOHON	TAWARAN (a)	DAFTAR (b)	
Asasi dan Ijazah Sarjana Muda (1,400 pelajar setahun)	2019	5,801	5,238	1,176	22.5
	2020	4,088	3,794	1,384	36.5
	2021	7,437	6,999	1,432	20.5
	2022**	3,131	2,610	372	14.3
Pascasiswazah* (400 pelajar setahun)	2019	773	578	464	80.3
	2020	716	456	307	67.3
	2021	693	476	336	70.6
	2022**	622	449	202	45.0
JUMLAH	2019	6,574	5,816	1,640	28.2
	2020	4,804	4,250	1,691	39.8
	2021	8,130	7,475	1,768	23.7
	2022**	3,753	3,059	574	18.8

Sumber: Rekod Pengambilan Pelajar UTP

Nota: (*) - Ijazah sarjana (kerja kursus dan penyelidikan) dan doktor falsafah

(**) - Setakat 31 Julai 2022

- d. Pada tahun 2021, jumlah permohonan kemasukan ke UTP menunjukkan peningkatan sebanyak 3,326 daripada 4,804 pada tahun 2020 kepada 8,130. Semakan selanjutnya mendapati pendaftaran pelajar baharu ke UTP secara keseluruhannya bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 menunjukkan trend peningkatan dan menghampiri sasaran 1,800 pelajar walaupun menghadapi cabaran pandemik Covid-19.
- e. Semakan Audit terhadap laporan pengambilan pelajar UTP menunjukkan kadar pendaftaran yang rendah bagi program asasi dan ijazah sarjana muda dipengaruhi oleh isu kemampuan kewangan pelajar memandangkan 51% pelajar baharu membiayai sendiri pengajian manakala hanya 49% dibiayai penaja. ITPSB memaklumkan situasi ekonomi yang tidak menentu akibat pandemik Covid-19 mempengaruhi pendapatan isi rumah ditambah pula dengan kekurangan tawaran penajaan oleh syarikat korporat. Selain itu, pendaftaran program pascasiswazah dipengaruhi oleh sekatan perjalanan domestik dan antarabangsa semasa pandemik Covid-19.
- f. Semakan selanjutnya terhadap perbelanjaan pemasaran dan promosi bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 menunjukkan trend penurunan daripada RM3.84 juta pada tahun 2019 kepada RM2.96 juta pada tahun 2021. Analisis Audit terhadap jumlah perbelanjaan pemasaran dan promosi mendapati secara puratanya RM1,674 hingga RM2,339 diperlukan bagi mendapatkan seorang pelajar baharu. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6**. Kawalan terhadap perbelanjaan operasi dengan peningkatan jumlah pendaftaran pelajar baharu secara keseluruhannya menunjukkan keberkesanan pelaksanaan strategi pemasaran dan promosi oleh ITPSB. Bagaimanapun, kadar pendaftaran yang lebih rendah berbanding penawaran mempengaruhi kadar pulangan daripada perbelanjaan pemasaran dan promosi serta berisiko menjejaskan pencapaian aspirasi UTP dalam aspek kemapanan kewangan syarikat.

JADUAL 6
PERBELANJAAN PEMASARAN DAN PROMOSI
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

PERKARA	2019	2020	2021
Bilangan pendaftaran pelajar baharu	1,640	1,691	1,768
Perbelanjaan pemasaran dan promosi	RM3.84 juta	RM3.61 juta	RM2.96 juta
Kos pemasaran dan promosi bagi seorang pelajar baharu*	RM2,339	RM2,133	RM1,674

Sumber: Rekod Pengambilan Pelajar UTP dan Penyata Kewangan ITPSB Beraudit Tahun 2019, 2020 dan 2021

Nota: (*) - Pengiraan Audit adalah berdasarkan bilangan pendaftaran pelajar baharu serta perbelanjaan pemasaran dan promosi tanpa mengambil kira faktor lain

Maklum balas ITPSB yang diterima pada 28 Oktober 2022

Berdasarkan trend pendaftaran pelajar program asasi dan ijazah sarjana muda bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022, hanya sekitar 11% pelajar mendaftar daripada jumlah keseluruhan penawaran penempatan oleh UTP. Kekurangan jumlah pelajar yang mendaftar bagi tiga tahun sebelum ini telah menyebabkan lebihan penempatan di kampus UTP. Bagaimanapun, pada tahun 2022 terutamanya pada suku keempat tahun 2022, UTP telah menerima lebihan jumlah pelajar yang mendaftar iaitu seramai 1,663 pelajar, melebihi jangkaan asal iaitu 1,400 pelajar. Keadaan ini secara tidak langsung telah menyebabkan kapasiti penempatan di kampus UTP telah dipenuhi. Trend nisbah penawaran dan pendaftaran pelajar bagi program asasi dan ijazah sarjana muda bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 ialah 7:1.

Jabatan Kemasukan, Rekod dan Pemasaran (ARM) telah meningkatkan usaha pemasaran melalui kerjasama strategik antara UTP dan Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan (MGKK). Aktiviti secara fizikal dan maya melibatkan pelajar sasaran melalui MGKK dan Majlis Guru Kaunseling Negeri (MGKN) dilihat dapat memberikan akses yang lebih dinamik dan bersasar. Hasil kerjasama ini dijangka akan dapat dilihat mulai kemasukan semester September 2022.

Bagi program pascasiswazah pula, trend kemasukan dijangka akan kembali meningkat pada tahun 2022 apabila tiada lagi sekatan kemasukan antarabangsa pasca pandemik Covid-19. Pada masa yang sama, pihak universiti juga telah menstruktur semula KPI kemasukan pelajar pascasiswazah daripada Pendaftar kepada Pusat Pembelajaran Pascasiswazah (CGS) bagi meningkatkan keberkesanan pemasaran.

Melalui beberapa strategi baharu tersebut, pihak ITPSB yakin bahawa keadaan ketidakpadanan antara penawaran dan kapasiti semasa universiti akan dapat dikecilkan dan seterusnya mengurangkan risiko kemapanan kewangan syarikat.

Pendapat Audit	Prestasi pengambilan pelajar baharu bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Julai 2022 mencapai antara 31.9% hingga 98.2% walaupun sasaran tidak berubah. Ketidakpadanan penawaran yang melebihi kapasiti semasa universiti berisiko menyebabkan kapasiti semasa universiti tidak dapat menampung lebihan bilangan pelajar sekiranya semua pelajar yang ditawarkan mendaftar.
-----------------------	--

5.1.1.3. Prestasi Pencapaian Akademik

- a. ITPSB perlu memastikan semua pelajar menamatkan pengajian berdasarkan program pengajian yang diikuti. Mengikut syarat graduan Student Handbook ITPSB, bagi membolehkan seseorang pelajar layak menerima ijazah, antaranya pelajar hendaklah memperoleh sekurang-kurangnya gred purata kumulatif (CGPA) 2.00 bagi ijazah sarjana muda; CGPA 3.00 bagi ijazah sarjana (kerja kursus); serta memperoleh markah minimum 65% bagi ijazah sarjana dan doktor falsafah melalui penyelidikan.
- b. Semakan Audit terhadap data graduan mendapati UTP telah menghasilkan 22,347 graduan sejak penubuhannya. UTP telah berjaya menghasilkan 5,785 graduan bagi tempoh tahun 2019 hingga 31 Julai 2022 meliputi 4,783 graduan ijazah sarjana muda, 653 graduan ijazah sarjana dan 349 graduan doktor falsafah. Semakan selanjutnya mendapati kesemua graduan telah memenuhi semua syarat layak menerima ijazah. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
GRADUAN UTP MENGIKUT PERINGKAT PENGAJIAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 31 JULAI 2022

TAHUN	PERINGKAT PENGAJIAN			JUMLAH (Bilangan)
	IJAZAH SARJANA MUDA (Bilangan)	IJAZAH SARJANA (Bilangan)	PhD (Bilangan)	
2019	1,453	143	115	1,711
2020	1,464	176	90	1,730
2021	1,366	161	77	1,604
2022*	500	173	67	740
JUMLAH	4,783	653	349	5,785

Sumber: Rekod Graduan UTP Tahun 2019 hingga 31 Julai 2022

Nota: (*) - Setakat 31 Julai 2022

PhD - Doktor Falsafah

- c. Analisis Audit terhadap prestasi pencapaian akademik graduan peringkat ijazah sarjana muda bagi tempoh tahun 2019 hingga 31 Julai 2022 mendapati 639 graduan (13.4%) memperoleh pencapaian kelas pertama, 3,148 graduan (65.8%) kelas kedua atas, 939 graduan (19.6%) kelas kedua bawah dan 57 graduan (1.2%) kelas ketiga. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8**. Keadaan ini menunjukkan 79.2% graduan UTP berjaya memperoleh CGPA melebihi 3.00 dan mampu berdaya saing dalam bidang pekerjaan dan pembelajaran di peringkat lebih tinggi.

JADUAL 8
PENCAPAIAN AKADEMIK GRADUAN PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA
UTP BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 31 JULAI 2022

TAHUN	KELAS PERTAMA		KELAS KEDUA ATAS		KELAS KEDUA BAWAH		KELAS KETIGA		JUMLAH (Bil.)
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	
2019	136	9.4	852	58.6	426	29.3	39	2.7	1,453
2020	227	15.5	965	65.9	257	17.6	15	1.0	1,464
2021	197	14.4	978	71.6	190	13.9	1	0.1	1,366
2022*	79	15.8	353	70.6	66	13.2	2	0.4	500
JUMLAH	639	13.4	3,148	65.8	939	19.6	57	1.2	4,783

Sumber: Rekod Graduan UTP Tahun 2019 hingga 31 Julai 2022

Nota: Kelas Pertama (CGPA: 3.65 - 4.00); Kelas Kedua Atas (CGPA: 3.00 - 3.64); Kelas Kedua Bawah (CGPA: 2.50 - 2.99); dan Kelas Ketiga (2.00 - 2.49)

(*) - Setakat 31 Julai 2022

- d. Analisis selanjutnya terhadap prestasi pencapaian akademik graduan peringkat ijazah sarjana (kerja kursus) bagi tempoh yang sama mendapati 66 graduan (36.1%) memperoleh pencapaian lulus dengan kepujian, 70 graduan (38.2%) lulus dengan merit manakala 47 graduan (25.7%) memperoleh pencapaian lulus. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**. Keadaan ini menunjukkan 74.3% graduan berjaya memperoleh CGPA melebihi 3.50 dan menunjukkan prestasi akademik yang cemerlang.

JADUAL 9
PENCAPAIAN AKADEMIK GRADUAN PERINGKAT IJAZAH SARJANA
(KERJA KURSUS) UTP BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 31 JULAI 2022

TAHUN	LULUS DENGAN KEPUJIAN		LULUS DENGAN MERIT		LULUS		JUMLAH (Bil.)
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	
2019	10	33.3	12	40.0	8	26.7	30
2020	7	17.5	21	52.5	12	30.0	40
2021	17	46.0	14	37.8	6	16.2	37
2022*	32	42.1	23	30.3	21	27.6	76
JUMLAH	66	36.1	70	38.2	47	25.7	183

Sumber: Rekod Graduan UTP Tahun 2019 hingga 31 Julai 2022

Nota: Lulus dengan kepujian (CGPA: 3.75 - 4.00); Lulus dengan merit (CGPA: 3.50 - 3.74); Lulus (CGPA: 3.00 - 3.49)

(*) - Setakat 31 Julai 2022

Pendapat Audit | **Prestasi pencapaian akademik graduan UTP adalah baik kerana lebih 70% graduan berjaya memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang mengikut peringkat pengajian yang diambil.**

5.1.1.4. Prestasi Kutipan Yuran Pelajar

- a. Berdasarkan Student Handbook, ITPSB perlu mengutip kadar yuran pengajian keseluruhan (termasuk yuran kolej kediaman dan caj perkhidmatan lain) bagi pelajar tempatan program asasi iaitu RM19,510 manakala program ijazah sarjana muda antara RM62,946 hingga RM93,664 berdasarkan program pengajian. Kadar yuran pengajian pelajar antarabangsa pula antara RM89,970 hingga RM117,358 bagi program ijazah sarjana muda. Bagi program pascasiswazah, kadar yuran yang dikenakan berbeza bergantung kepada kaedah pengajian dan pembelajaran.
- b. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, sejumlah RM334.59 juta pendapatan operasi diiktiraf meliputi yuran pengajian, yuran kolej kediaman dan caj perkhidmatan lain. Antara caj perkhidmatan lain yang diiktiraf ialah pendapatan daripada yuran semester untuk kemudahan pembelajaran serta aktiviti pelajar. **Trend jumlah pendapatan operasi menunjukkan penurunan setiap tahun iaitu sebanyak 12.2% pada tahun 2020 dan 0.8% pada tahun 2021.** Penurunan jumlah pendapatan operasi adalah selari dengan trend penurunan bilangan pelajar aktif iaitu daripada 7,272 pada tahun 2019 kepada 6,158 pada tahun 2021. Butiran lanjut berkaitan pendapatan operasi adalah seperti dalam **Jadual 10** dan bilangan pelajar aktif UTP adalah seperti dalam **Carta 11** di **perenggan 5.2.2.2.h..**

JADUAL 10
PENDAPATAN OPERASI BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

BUTIRAN	AMAUN (RM Juta)			NAIK/(TURUN) (%)	
	2019	2020	2021	2020	2021
Yuran Pengajian	92.29	95.32	94.35	3.3	(1)
Yuran Kolej Kediaman	16.36	1.75	3.50	(89.3)	100
Caj Perkhidmatan Lain	13.10	9.78	8.14	(25.3)	(16.8)
JUMLAH KECIL	121.75	106.85	105.99	(12.2)	(0.8)
JUMLAH	334.59				

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit ITPSB Tahun 2019, 2020 dan 2021

- c. Analisis Audit mendapati penurunan pendapatan operasi sebahagian besarnya dipengaruhi oleh trend penurunan yuran kolej kediaman disebabkan kadar penghunian yang rendah akibat pandemik Covid-19. Selain itu, pengecualian yuran pengajian yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif (EMC) serta kelewatan kemasukan pelajar bagi semester Mei ke bulan

September akibat penangguhan pengeluaran keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) juga mempengaruhi penurunan pendapatan.

- d. Semakan selanjutnya terhadap Laporan Pengumuran Penghutang Pelajar dan Penaja mendapati setakat 31 Julai 2022, jumlah penghutang ialah RM30.08 juta. Penghutang tertinggi adalah bagi pengumuran antara 31 hingga 60 hari berjumlah RM18.57 juta. Penghutang dengan pengumuran melebihi 120 hari pula menunjukkan trend penurunan ketara sebanyak 73% (RM17.59 juta) pada tahun 2020 berbanding tahun 2019. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
LAPORAN PENGUMURAN PENGHUTANG PELAJAR DAN PENAJA
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 31 JULAI 2022

BUTIRAN	TAHUN	AMAUN (RM Juta)					JUMLAH
		Semasa	31 – 60 Hari	61 – 90 Hari	91 – 120 Hari	>120 Hari	
Penghutang Pelajar	2019	0.20	0.13	2.40	0.36	18.12	21.21
	2020	0.03	0.24	2.96	0.47	4.14	7.84
	2021	0.02	0.42	3.19	0.37	3.63	7.63
	2022*	1.21	8.42	0.04	0.08	4.22	13.97
Penghutang Penaja ⁶	2019	0.13	0.03	1.35	1.37	5.97	8.85
	2020	0.11	0.06	0.42	1.98	2.36	4.93
	2021	0.18	0.17	0.34	1.89	2.68	5.26
	2022*	0.28	10.15	0.20	0.16	5.32	16.11
JUMLAH	2019	0.33	0.16	3.75	1.73	24.09	30.06
	2020	0.14	0.30	3.38	2.45	6.50	12.77
	2021	0.20	0.59	3.53	2.26	6.31	12.89
	2022*	1.49	18.57	0.24	0.24	9.54	30.08

Sumber: Laporan Pengumuran Penghutang Tahun 2019, 2020, 2021 dan 2022

Nota: (*) - Setakat 31 Julai 2022

- e. Semakan Audit mendapati ITPSB telah mengambil tindakan hapus kira hutang tertunggak sebagai strategi pembersihan akaun dan Lembaran Imbangan ITPSB secara berfasa bermula tahun 2019. Sejumlah RM59.21 juta penghutang tertunggak telah diluluskan pihak berkuasa melulus mengikut had kuasa ITPSB untuk dihapus kira bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 dan RM58.35 juta telah dihapus kira. Baki RM0.86 juta tidak dihapus kira kerana telah berjaya dikutip. Oleh sebab itu, penghutang pada tahun 2020 menunjukkan penurunan ketara sebanyak 57.5% atau RM17.29 juta daripada

⁶ Merujuk kepada penaja yang belum menjelaskan yuran bagi pelajar tajaan di UTP.

RM30.06 juta pada tahun 2019 kepada RM12.77 juta pada tahun 2020. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
HAPUS KIRA PENGHUTANG TERTUNGGAK
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	FASA/BUTIRAN PENGHUTANG	KELULUSAN	AMAUN LULUS (RM Juta)	AMAUN HAPUS KIRA (RM Juta)
2019	Fasa 1 – pelbagai penghutang	Lembaga Pengarah ITPSB	36.23	36.10
2020	Fasa 2 – pelajar dan penaja	Lembaga Pengarah ITPSB	18.93	18.21
	Fasa 3 – pelajar	CEO/VC	1.78	1.78
2021	Fasa 4 – pelbagai penghutang	CEO/VC, CFO	2.27	2.26
JUMLAH			59.21	58.35

Sumber: Kertas Kerja, Memo Kelulusan Hapus Kira dan Cabutan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah ITPSB
Nota: CEO/VC - Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Naib Canselor UTP
CFO - Ketua Pegawai Kewangan

- f. Semakan selanjutnya mendapati setakat 31 Julai 2022, ITPSB telah mengutip semula hutang tertunggak yang dihapus kira berjumlah RM3.04 juta bersamaan 5.2% daripada keseluruhan jumlah hutang yang telah dihapus kira. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13**. Kutipan semula telah dibuat kesan daripada polisi kutipan yuran yang diperketat serta lantikan ejen kutipan hutang seperti yang disarankan oleh Lembaga Pengarah ITPSB.

JADUAL 13
KUTIPAN SEMULA HUTANG TERTUNGGAK YANG DIHAPUS KIRA
BAGI TEMPOH TAHUN 2021 HINGGA 31 JULAI 2022

BUTIRAN PENGHUTANG	AMAUN (RM Juta)			
	2020	2021	2022*	JUMLAH
Pelajar	0.33	0.22	0.08	0.63
Penaja	0.68	-	1.65	2.33
Pelbagai penghutang	0.04	0.02	0.02	0.08
JUMLAH	1.05	0.24	1.75	3.04

Sumber: Laporan Kutipan Semula Hutang Tertunggak yang Dihapus Kira UTP Tahun 2021 dan 2022
Nota: (*) - Setakat 31 Julai 2022

Maklum balas ITPSB yang diterima pada 28 Oktober 2022

Laporan Pengumuman Penghutang Pelajar dan Penaja setakat 31 Julai 2022 menunjukkan jumlah penghutang yang tinggi berikutan invois bagi semester Mei 2022 baharu sahaja dikeluarkan pada bulan Jun dan Julai 2022 ekoran daripada proses migrasi kepada sistem pengkomputeran awan (cloud migration) yang berakhir pada 14 Jun 2022. Kebiasaannya, jumlah penghutang akan berkurangan sebelum semester baharu bermula. Sepanjang bulan Ogos dan

September 2022, sebanyak RM19.57 juta telah berjaya dikutip daripada penaja (RM10.61 juta) dan pelajar (RM8.96 juta).

Hutang lapuk dihapus kira yang dibuat pada tahun 2019 (Fasa 1) berjumlah RM36.10 juta adalah bagi invois dari tahun 2000 hingga 2018 untuk penghutang korporat dan penaja. Sejumlah RM19.37 juta (53.6%) daripada amaun tersebut merupakan amaun penghutang tahun 2000 hingga 2007 yang telah dibawa ke hadapan melalui beberapa migrasi sistem terawal menyebabkan kebolehsesanan hutang tersebut tidak dapat disahkan. Jumlah ini dianggap seolah-olah sebagai baki hutang tetapi sebenarnya tidak berasas dan telah dilaraskan sebagai pelarasan perakaunan melalui catatan hapus kira.

Usaha mengutip semula hutang tertunggak yang dihapus kira akan diteruskan bagi memastikan pihak syarikat dapat mengutip semula hutang lapuk semaksimum mungkin.

Pendapat Audit	Prestasi kutipan yuran pelajar kurang memuaskan kerana RM58.35 juta hutang tertunggak telah dihapus kira mulai tahun 2019. Setakat 31 Julai 2022, hanya 5.2% hutang yang dihapus kira telah dikutip semula.
-----------------------	--

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

5.1.2.1. Penarafan Universiti

- a. Penarafan universiti penting bagi menilai sejauh mana pengiktirafan terhadap pencapaian institusi pengajian tinggi tempatan dalam aspek yang dinilai berbanding negara lain di persada antarabangsa. Penarafan dalam negara juga boleh memberi impak positif terhadap kebolehsaingan UTP berbanding IPTS dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lain dalam aspek pengajian, penyelidikan dan perkhidmatan yang ditawarkan. ITPSB telah menetapkan sasaran pencapaian bagi penarafan terhadap UTP dari dalam dan luar negara. Penarafan dalam negara meliputi SETARA dan MYRA manakala penarafan luar negara pula terdiri daripada tiga penarafan Quacquarelli Symonds (QS) iaitu QS Star Rating, QS Asia University Ranking (AUR) dan QS World University Ranking (WUR).
- b. Semakan Audit mendapati **UTP telah mencapai sasaran enam bintang bagi penarafan dalam negara iaitu SETARA dan MYRA**

bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Bagi pencapaian penarafan luar negara, UTP telah mencapai sasaran bagi kesemua tiga penarafan QS kecuali pada tahun 2021 bagi penarafan QS AUR. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
PENCAPAIAN PENARAFAN DALAM DAN LUAR NEGARA
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

PENARAFAN	TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN	CAPAI/TIDAK CAPAI
Penarafan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SETARA)	2019	6/6	6/6	CAPAI
	2020	6/6	6/6	
	2021	6/6	6/6	
Penarafan Malaysia Research Assessment (MYRA)	2019	6	6	CAPAI
	2020	6	6	
	2021	6	6	
QS Star Rating	2019	5	5	CAPAI
QS Asia University Ranking (AUR)	2019	90	82	CAPAI
	2020	80	70	
	2021	67	72	TIDAK CAPAI
QS World University Ranking (WUR)	2019	511-520	482	CAPAI
	2020	460	439	
	2021	415	414	

Sumber: Laporan Penarafan UTP

Nota: QS - Quacquarelli Symonds

Pendapat Audit | **UTP telah berjaya mengekalkan penarafan dalam negara dan luar negara untuk meningkatkan keupayaan daya saing UTP serta menunjukkan ITPSB adalah cekap dalam menguruskan UTP.**

5.1.2.2. Kebolehpasaran Graduan

- a. UTP menilai kadar kebolehpasaran graduan melalui kajian pengesanan graduan selaras dengan pendekatan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Kajian ini bertujuan mendapatkan pandangan dan pengalaman graduan terhadap beberapa aspek berkaitan program pengajian, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan. Kajian ini juga merekodkan status pekerjaan semasa konvokesyen bagi graduan yang baharu menamatkan pengajian. Kajian pengesanan graduan ini turut dilaksanakan bagi membekalkan maklumat kepada KPT dalam menghasilkan Laporan Kajian Pengesanan Graduan tahunan.

- b. Semakan Audit mendapati **kadar kebolehpasaran graduan UTP pada tahun 2020 adalah rendah iaitu 76.9% berbanding 91.7% pada tahun 2019 dan 90% pada tahun 2021. Bagaimanapun, kadar kebolehpasaran graduan UTP melebihi kadar kebolehpasaran graduan nasional pada tahun 2019 dan 2021 masing-masing sebanyak 5.5% dan 4.5% manakala pada tahun 2020 mencatatkan kadar lebih rendah sebanyak 7.5%.** Penurunan kadar kebolehpasaran graduan UTP pada tahun 2020 adalah selari dengan trend penurunan kadar kebolehpasaran graduan nasional iaitu daripada 86.2% kepada 84.4%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15.**

JADUAL 15
MAKLUMAT KAJIAN PENGESANAN GRADUAN UTP BERBANDING
KEBOLEHPASARAN GRADUAN NASIONAL

STATUS GRADUAN	2019	2020	2021
	%		
Bekerja	80.9	66.8	73.0
Melanjutkan Pengajian	8.8	5.9	7.0
Meningkatkan Kemahiran	1.1	2.8	9.0
Keusahawanan	0.9	1.4	1.0
KADAR KEBOLEHPASARAN GRADUAN	91.7	76.9	90.0
PERATUS NASIONAL	86.2	84.4	85.5

Sumber: Kajian Pengesanan Graduan UTP dan Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2019, 2020 dan 2021


Pendapat Audit | **Kadar kebolehpasaran graduan UTP adalah baik dengan pencapaian melebihi kadar kebolehpasaran graduan nasional bagi tahun 2019 dan 2021. Penurunan kadar kebolehpasaran graduan pada tahun 2020 pula selari dengan kadar penurunan kebolehpasaran graduan nasional akibat daripada pandemik Covid-19.**

5.1.2.3. Kaji Selidik Barometer Pelajar UTP

- a. ITPSB telah melaksanakan kaji selidik kepuasan pelajar melalui platform *i-graduate Student Barometer Survey*. Tujuan kaji selidik adalah untuk memberikan tanda aras kepada pencapaian universiti dalam aspek pengalaman pelajar berbanding universiti lain di Malaysia dan antarabangsa. Kaji selidik ini telah dilaksanakan pada tahun 2019 dan 2021 dengan tempoh masa dua tahun bagi membolehkan universiti merangka strategi dan menilai semula keberkesanan pelan mitigasi bagi menutup jurang yang wujud.


- b. Pada tahun 2019, sebanyak 3,464 (47.4%) daripada 7,304 populasi pelajar memberikan maklum balas manakala pada tahun 2021 kadar maklum balas bertambah baik iaitu 67.7% (4,475 daripada 6,614 populasi pelajar). Tiga aspek utama yang dinilai dalam kaji selidik ini ialah tahap kepuasan pelajar terhadap keseluruhan pengalaman di UTP; tahap persetujuan program UTP yang menawarkan nilai faedah terbaik; serta tahap kepuasan terhadap kolej kediaman dan kos sara hidup.
- c. Hasil kaji selidik menunjukkan **tahap kepuasan pelajar terhadap keseluruhan pengalaman di UTP bertambah baik pada tahun 2021 iaitu 91% berbanding 87% pada tahun 2019**. Peratus pelajar sangat berpuas hati bertambah sebanyak 15% daripada 10% pada tahun 2019 kepada 25% pada tahun 2021. Tahap sangat tidak berpuas hati kekal sama pada 2%. Tahap kepuasan pelajar di UTP adalah lebih baik berbanding tanda aras universiti di Malaysia pada tahun 2021. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 6**.
- d. Hasil kaji selidik tahap persetujuan program UTP menawarkan nilai faedah terbaik menunjukkan peratus pelajar sangat setuju meningkat sedikit sebanyak 1% daripada 23% pada tahun 2019 kepada 24% pada tahun 2021. Tahap sangat tidak setuju kekal sama pada 3%. **Kaji selidik tahun 2021 adalah lebih baik berbanding tahun 2019 serta melepasi tanda aras universiti di Malaysia dan Asia**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 7**.

CARTA 6
TAHAP KEPUASAN TERHADAP
KESELURUHAN PENGALAMAN DI UTP



Sumber: Laporan i-graduate Student Barometer Survey
Nota: ISBSB - Student Barometer Survey


CARTA 7
TAHAP PERSETUJUAN PROGRAM UTP
MENAWARKAN NILAI FAEDAH TERBAIK



Sumber: Laporan i-graduate Student Barometer Survey
Nota: ISBSB - Student Barometer Survey

- e. Hasil kaji selidik **tahap kepuasan terhadap kolej kediaman dan kos sara hidup di UTP** didapati bertambah baik pada tahun **2021** berbanding tahun **2019** serta melepasi tanda aras bagi **universiti di Malaysia, Asia dan Global**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 8**.


CARTA 8
TAHAP KEPUASAN TERHADAP KOLEJ KEDIAMAN DAN KOS SARA HIDUP



Sumber: Laporan i-graduate Student Barometer Survey
Nota: ISBSB - Student Barometer Survey


- f. Semakan Audit terhadap pelan mitigasi jurang yang dikenal pasti daripada kaji selidik pada tahun 2019 dan 2021 mendapati ITPSB telah dan sedang melaksanakan tindakan penambahbaikan terhadap isu yang dibangkitkan. Semakan selanjutnya mendapati 43 isu dibangkitkan bagi lima aspek pada tahun 2019 berbanding 22 isu bagi empat aspek pada tahun 2021. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 9** dan **Carta 10**.

CARTA 9
ASPEK MEMERLUKAN PERHATIAN
BAGI ANALISIS JURANG TAHUN 2019



Sumber: Laporan Pelan Mitigasi Jurang UTP 2019

CARTA 10
ASPEK MEMERLUKAN PERHATIAN
BAGI ANALISIS JURANG TAHUN 2021



Sumber: Laporan Pelan Mitigasi Jurang UTP 2021

- g. Aspek yang berulang bagi kedua-dua kaji selidik ialah keselamatan dan kolej kediaman. Antara isu utama bagi aspek keselamatan ialah gangguan binatang liar di sekitar kampus dan kolej kediaman yang berdekatan dengan kawasan hutan simpan. Aspek kolej kediaman pula meliputi kemudahan di kolej kediaman; keadaan bilik (pintu/dinding/lantai/langsir/bumbung); keadaan tandas; serta tindakan pembaikan terhadap aduan kerosakan.

Maklum balas ITPSB yang diterima pada 28 Oktober 2022

Kaji selidik seterusnya akan dilaksanakan pada hujung tahun 2023. Keputusan kaji selidik ini dijangka akan diterima oleh pihak ITPSB sekitar bulan Mac atau April 2024. ITPSB akan menganalisis keputusan analitik dan komen terbuka daripada pelajar untuk mengenal pasti jurang dan penambahbaikan yang dapat dilaksanakan. ITPSB juga akan cuba untuk meningkatkan peratusan pelajar yang memberikan maklum balas pada tahun 2023.

Komen berkaitan isu keselamatan dan kolej kediaman telah menjadi agenda utama ITPSB dalam menambah baik tahap pengalaman pelajar di UTP seperti berikut:

- a. Isu keselamatan berkaitan gangguan binatang liar: Pihak keselamatan dan Jabatan Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran (HSE) akan sentiasa membuat pemantauan, menangkap dan mengalihkan binatang tersebut dari kawasan kampus.
- b. Isu berkaitan kolej kediaman: Kemudahan kolej kediaman sentiasa ditambah baik setiap tahun. Perancangan awal dibuat untuk memperbaiki isu yang dilaporkan bergantung kepada keadaan fasiliti dan bangunan secara keseluruhan serta maklum balas yang diterima. Usaha ini merupakan tindakan berterusan kerana kemudahan kolej kediaman akan mengalami kemerosotan dari semasa ke semasa.

ITPSB juga akan terus memantau operasi sedia ada, mengenal pasti jurang yang wujud, dan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengurangkan jurang tersebut.

Pendapat Audit Secara keseluruhannya berdasarkan maklum balas kaji selidik barometer pelajar UTP, tahap kepuasan pelajar yang semakin meningkat dan melebihi tanda aras ditetapkan menunjukkan bahawa ITPSB cekap dalam menguruskan UTP.

5.2. Pengurusan Aktiviti Utama Universiti Teknologi PETRONAS

Terdapat dua aspek yang dinilai bagi pengurusan aktiviti utama UTP iaitu pengurusan pengajaran dan pembelajaran; serta pengurusan kolej kediaman pelajar.

5.2.1. Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran

5.2.1.1. ITPSB hendaklah menyediakan pengurusan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan meliputi program pengajian, pelajar dan tenaga pengajar. Setakat 31 Julai 2022, UTP menawarkan 56 program pengajian iaitu satu di peringkat asasi, 14 di peringkat ijazah sarjana muda, 41 di peringkat pascasiswazah. Butiran lanjut mengenai bilangan program pengajian di UTP mengikut fakulti dan jabatan adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
BILANGAN PROGRAM PENGAJIAN DI UTP YANG DITAWARKAN
SETAKAT 31 JULAI 2022

FAKULTI	JABATAN	BIL. PROGRAM	PERINGKAT PENGAJIAN		
			ASASI	UG	PG
Pusat Pengajian Asasi	TB	1	1	-	-
Kejuruteraan	Kimia	7	-	1	6
	Elektrik dan Elektronik	6	-	2	4
	Mekanikal	7	-	2	5
	Sivil dan Persekitaran	6	-	1	5
	Petroleum	5	-	1	4
Teknologi Maklumat dan Sains	Geosains	5	-	1	4
	Sains Asas dan Gunaan	4	-	1	3
	Sains Komputer dan Maklumat	8	-	4	4
	Pengurusan dan Kemanusiaan	7	-	1	6
JUMLAH		56	1	14	41

Sumber: Bahagian Akademik ITPSB

Nota : TB - Tidak Berkenaan

UG - Ijazah Sarjana Muda

PG - Pascasiswazah

5.2.1.2. Pengurusan pengajaran dan pembelajaran melibatkan penilaian terhadap tiga perkara iaitu akreditasi program; permohonan dan pendaftaran pelajar; serta kompetensi tenaga pengajar. Semakan Audit mendapati dua perkara iaitu akreditasi program serta permohonan dan pendaftaran pelajar telah diuruskan

dengan cekap. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pengurusan kompetensi tenaga pengajar seperti berikut:

- a. UTP-SOP-ACA/CAdEx-008 Student's Self-Reflection Tool diwujudkan bertujuan mendapatkan maklum balas daripada pelajar untuk penambahbaikan penyampaian pengajaran oleh pensyarah. Student's Self-Reflection Tool (SSRT) digunakan untuk menilai pensyarah dalam bentuk laporan dengan cadangan iaitu pensyarah dengan penarafan 3.0 dan ke bawah disyorkan untuk menjalani inisiatif pemerhatian rakan sebaya.
- b. Semakan Audit mendapati sejumlah 1,420 pensyarah telah dinilai melalui SSRT bagi tempoh tahun 2019 hingga 31 Julai 2022. Semakan selanjutnya mendapati 1,381 (97.3%) pensyarah mendapat penarafan melebihi 3.0 manakala hanya 39 (2.7%) pensyarah mendapat penarafan SSRT 3.0 dan ke bawah bagi tempoh yang sama berdasarkan penilaian oleh 4,266 pelajar. Bilangan pensyarah yang mendapat penarafan SSRT 3.0 dan ke bawah didapati semakin berkurang dari tahun ke tahun. Ringkasan maklumat bagi pensyarah dengan penarafan 3.0 dan ke bawah mengikut laporan SSRT adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PENSYARAH DENGAN PENARAFAN 3.0 DAN KE BAWAH MENGIKUT LAPORAN SSRT BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 31 JULAI 2022

TAHUN	NAMA LAPORAN	JUMLAH PELAJAR	PENARAFAN (Bil. Pensyarah)	
			Sifar	Melebihi sifar hingga 3.0
2019	SSRT for January and March 2019 semester	315	19	0
	SSRT for May 2019 semester	329	3	1
	SSRT for September 2019 semester	401	3	0
2020	SSRT for January 2020 semester	432	3	1
	SSRT for May 2020 semester	415	3	0
	SSRT for September 2020 semester	413	0	0
2021	SSRT for January 2021 semester	376	1	1
	SSRT for May 2021 semester	410	2	0
	SSRT for September 2021 semester	422	1	1
2022	SSRT for January 2022 semester	390	0	0
	SSRT for May 2022 semester	363	0	0
JUMLAH BESAR		4,266	35	4

Sumber: Laporan SSRT Tahun 2019, 2020, 2021 dan 2022

Nota: SSRT - Student's Self-Reflection Tool

- c. Semakan selanjutnya mendapati 35 (89.7%) daripada 39 pensyarah mendapat penarafan sifar bagi tempoh tahun 2019 hingga 31 Julai 2022 disebabkan tiada penilaian SSRT oleh pelajar. Analisis Audit terhadap laporan SSRT mendapati antara sebab tiada penilaian SSRT oleh pelajar ialah pensyarah telah berhenti; pensyarah lupa mengemukakan kod penilaian kepada pelajar; bilangan pelajar sedikit (satu atau dua orang) menyebabkan penilaian SSRT tidak relevan; mengajar tutorial sahaja; pelajar telah diingatkan tetapi masih tidak mengisi penilaian SSRT; serta pensyarah dimaklumkan untuk membuat semula penilaian SSRT untuk mencapai 70% maklum balas pelajar tetapi tidak mencapai sasaran maklum balas. ITPSB memaklumkan 35 pensyarah tersebut telah dikeluarkan daripada menjalani inisiatif pemerhatian rakan sebaya kerana tiada penilaian SSRT dibuat terhadap pensyarah berkenaan.
- d. Baki empat (10.3%) pensyarah pula mendapat penarafan antara 2.7 hingga 3.0. ITPSB memaklumkan hanya dua pensyarah yang disyorkan untuk menjalani inisiatif pemerhatian rakan sebaya. Seorang pensyarah telah menjalani proses penilaian rakan sebaya berdasarkan keputusan SSRT. Baki seorang lagi tidak menjalani pemerhatian rakan sebaya kerana pensyarah berkenaan mendapat penarafan SSRT melebihi 3.0 bagi mata pelajaran lain yang diajar pada semester yang sama.

Maklum balas ITPSB yang diterima pada 28 Oktober 2022

Penarafan SSRT sifar disebabkan penilaian tidak dibuat oleh pelajar dan perlu dinyatakan bahawa penilaian tersebut bukan nilai sebenar SSRT yang telah dijalankan. Keadaan ini berlaku disebabkan perkara berikut:

- a. pensyarah mengajar secara berkumpulan iaitu mengajar pada separuh pertama atau separuh kedua semester. Pelajar membuat penilaian SSRT kepada pensyarah yang mengajar pada separuh kedua semester sahaja;
- b. pensyarah merupakan koordinator untuk mata pelajaran yang berunsurkan 100% projek, contohnya Final Year Research. Oleh itu, pensyarah berkenaan tidak terlibat secara langsung dengan pelajar;
- c. pensyarah yang mengajar meletak jawatan pada semester semasa; dan
- d. terdapat kekeliruan oleh pelajar apabila pensyarah mengajar lebih daripada satu mata pelajaran.

Keputusan terhadap tindakan kepada pensyarah yang mendapat penarafan 3.0 dan ke bawah bagi SSRT adalah berdasarkan budi bicara selepas penilaian oleh Centre for Excellence in Teaching and Learning (CETaL) dan koordinator bagi setiap jabatan.

Keputusan untuk melaksanakan pemerhatian rakan sebaya dibuat berdasarkan nilai purata skor penarafan SSRT untuk setiap pensyarah pada semester semasa. Pemerhatian rakan sebaya pula akan dilaksanakan pada semester akan datang sekiranya pensyarah terbabit diberikan tugas mengajar pada semester akan datang.

Pihak Centre for Academic Excellence (CADEX) akan terus memantau pencapaian setiap pensyarah dan memberikan latihan yang sepatutnya supaya semua pensyarah mempunyai kecekapan yang sewajarnya. Untuk mengukuhkan lagi kecekapan pengajaran pensyarah, pihak UTP telah menetapkan pencapaian SSRT sebagai KPI bagi setiap pensyarah. Secara umumnya, pencapaian SSRT kurang daripada 3.0 tidak mencapai KPI yang dikehendaki.

Pendapat Audit	Secara keseluruhannya, pengurusan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh ITPSB adalah cekap bagi aspek akreditasi program serta permohonan dan pendaftaran pelajar. Penyampaian pengajaran oleh pensyarah berdasarkan penilaian tenaga pengajar melalui SSRT adalah berkesan kerana 97.3% pensyarah mendapat penarafan SSRT melebihi 3.0 bagi tempoh tahun 2019 hingga 31 Julai 2022. Penurunan bilangan pensyarah yang mendapat penarafan SSRT 3.0 dan ke bawah dari tahun ke tahun menunjukkan kompetensi tenaga pengajar UTP semakin meningkat.
---------------------------	---

5.2.2. Pengurusan Kolej Kediaman Pelajar

IPTS perlu mengurus dan menyelia kemudahan penginapan serta bertanggungjawab terhadap keselamatan dan tatalaku pelajar yang tinggal di tempat penginapan atau asrama yang disediakan.

5.2.2.1. Kemudahan dan Penyenggaraan Kolej Kediaman

- a. Bahagian Hal Ehwal Pelajar ITPSB, Pejabat Kolej Kediaman bertanggungjawab untuk merancang, menyedia dan menguruskan penginapan pelajar termasuk

kemudahan lain yang disediakan seperti perkhidmatan katering dan penyediaan makanan, dobi serta keperluan pelajar yang lain.

- b. Semakan Audit mendapati setakat 31 Julai 2022, ITPSB telah menyediakan enam kolej kediaman dengan kapasiti 5,953 katil untuk kemudahan penginapan kepada pelajar program asasi dan ijazah sarjana muda. Bagi pelajar program pascasiswazah, kemudahan kolej kediaman adalah tertakluk kepada ketersediaan katil kosong, permohonan dan kelulusan daripada Pejabat Kolej Kediaman. Empat jenis bilik disediakan iaitu bilik berkongsi dua orang dengan penyaman udara, bilik berkongsi dua orang tanpa penyaman udara, bilik seorang dan bilik berkongsi dengan keperluan khas. Blok kolej kediaman pula diasingkan bagi pelajar lelaki dan perempuan mengikut lokasi yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
PROFIL KOLEJ KEDIAMAN MENGIKUT JENIS BILIK

KOLEJ KEDIAMAN	BILANGAN KATIL				JUMLAH
	BILIK BERKONGSI DENGAN AC	BILIK BERKONGSI TANPA AC	BILIK SEORANG	BILIK BERKONGSI KHAS	
V1 (4 Blok)	-	520	72	-	592
V2 (5 Blok)	-	748	55	-	803
V3 (5 Blok)	48	768	-	20	836
V4 (5 Blok)	48	792	-	20	860
V5 (10 Blok)	144	2,146	-	20	2,310
V6 (6 Blok)	-	552	-	-	552
JUMLAH	240	5,526	127	60	5,953

Sumber: Statistik Kolej Kediaman 2022


Nota: AC - Penyaman Udara

- c. Semakan selanjutnya mendapati kemudahan lain yang disediakan di kolej kediaman termasuklah kedai serbaneka, dobi layan diri, ruang makan berhawa dingin, kafeteria, pusat pelajar, penapis air, perkhidmatan percetakan, pejabat cawangan kecil Pos Malaysia serta gelanggang futsal, bola tampar dan sepak takraw. Kolej kediaman dilengkapi kamera litar tertutup (CCTV) bagi tujuan pengawasan dan keselamatan. ITPSB juga menyediakan akses internet tanpa wayar di seluruh kawasan kolej kediaman dan bangunan akademik termasuk akses internet berwayar di dalam setiap bilik.
- d. Semakan Audit juga mendapati **ITPSB telah melaksanakan kerja penyenggaraan dan pembaikan secara berkala melibatkan kemudahan dan kolej kediaman pelajar bagi tempoh tahun 2019 hingga 31 Julai 2022**. Setakat 31 Julai 2022, sejumlah 597 (10%)

katil kolej kediaman telah dikhaskan bagi tujuan penyenggaraan, ubah suai dan isolasi pesakit Covid-19. Analisis Audit terhadap laporan kerosakan dan pembaikan bagi tempoh tahun 2019 hingga 31 Julai 2022 mendapati 24,021 aduan kerosakan dilaporkan dan telah diambil tindakan pembaikan sewajarnya.


- e. Lawatan Audit pada 14 Jun 2022 mendapati proses ubah suai dan penyenggaraan sedang dilaksanakan bagi beberapa blok kolej kediaman seperti pembaikan tandas dan ruang pantri; serta kerja mengecat dinding kolej kediaman. ITPSB juga memaklumkan proses penukaran perabot dalam bilik penginapan bagi menggantikan perabot lama yang usang telah dilaksanakan bagi memberikan keselesaan kepada para pelajar. Bagaimanapun, **terdapat ruang atap terkopak bagi kolej kediaman V6 yang dijadikan tempat isolasi pesakit Covid-19 yang memerlukan pembaikan.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 4**.

GAMBAR 1



Kolej Kediaman V5, UTP, Perak
- Ruang pantri yang belum diubah suai
(14.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Kolej Kediaman V5, UTP, Perak
- Ruang pantri yang telah diubah suai
(14.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



Kolej Kediaman V6, UTP, Perak
- Ruang atap terkopak
(14.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Kolej Kediaman V6, UTP, Perak
- Ruang atap selepas dibaiki
(08.10.2022)
(Sumber: ITPSB)

Maklum balas ITPSB yang diterima pada 28 Oktober 2022

Ruang atap yang terkopak bagi kolej kediaman V6 yang dijadikan tempat isolasi pesakit Covid-19 telah dibaiki pada 8 Oktober 2022. Pihak pengurusan kolej kediaman akan membuat pemeriksaan yang lebih kerap dan secara berkala untuk memastikan aset kolej kediaman berada dalam keadaan yang baik.

Pendapat Audit | **Pengurusan kolej kediaman pelajar dan kemudahan lain yang disediakan oleh ITPSB telah disenggara secara berkala dengan cekap bagi memenuhi keperluan dan keselesaan pelajar.**

5.2.2.2. Kemapanan Operasi Kolej Kediaman

- a. Operasi kolej kediaman perlu diuruskan secara efisien dan cekap bagi memastikan perkhidmatan terbaik diberikan kepada pelajar di samping mengekalkan kemapanan kewangan UTP. Pada masa yang sama, kadar yuran yang dikenakan perlu memberi nilai faedah terbaik berpadanan dengan kemudahan dan pengalaman yang dirasakan oleh pelajar.
- b. Semakan Audit terhadap **prestasi kewangan operasi kolej kediaman bagi tempoh tahun 2019 hingga 30 Jun 2022 mendapati kerugian operasi dicatatkan bagi tahun 2019 dan 2021 masing-masing berjumlah RM3.40 juta dan RM9 juta.** Pada tahun 2020, analisis prestasi kewangan bagi operasi kolej kediaman tidak dilaksanakan berikutan urusan perniagaan yang terjejas akibat pandemik Covid-19. Setakat 30 Jun 2022, keuntungan operasi direkodkan berjumlah RM1.20 juta berdasarkan permintaan yang tinggi selepas sesi pembelajaran di kampus bermula. ITPSB memaklumkan anggaran kerugian operasi sehingga akhir tahun 2022 ialah RM0.40 juta iaitu lebih rendah daripada anggaran kerugian asal RM2.20 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
PRESTASI KEWANGAN OPERASI KOLEJ KEDIAMAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022

BUTIRAN	AMAUN (RM Juta)			
	2019	2021	2022*	2022 (Bajet)
Yuran Kolej Kediaman	12.90	3.50	6.50	9.90
Kos Emolumen	(1.70)	(1.20)	(0.60)	(1.30)
Belanja Operasi Lain	(14.60)	(11.30)	(4.70)	(9.00)
Untung/(Rugi) Operasi	(3.40)	(9.00)	1.20	(0.40)

Sumber: Laporan Prestasi Kewangan Operasi Kolej Kediaman

Nota: (*) - Setakat 30 Jun 2022

- c. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat EMC mendapati belanja operasi lain yang tinggi bagi kolej kediaman Seri Iskandar Business Centre (SIBC) di luar kampus UTP merupakan penyumbang terbesar kepada kerugian operasi. Oleh itu, pihak pengurusan UTP telah menamatkan sewaan SIBC secara berfasa bermula bulan Oktober 2019 hingga blok terakhir diserahkan semula pada bulan Julai 2022. Oleh itu, semua kolej kediaman yang ditawarkan kini berada di dalam kawasan kampus UTP.
- d. Semakan selanjutnya mendapati EMC UTP telah meluluskan kenaikan kadar yuran kolej kediaman pada 17 Februari 2021 dan berkuat kuasa mulai 1 Mei 2022. Kenaikan yuran direkodkan antara 12.5% hingga 32.5% berbanding kadar yuran diluluskan pada 1 Mei 2018 bagi bilik tanpa penyaman udara. ITPSB memaklumkan kenaikan kadar yuran perlu dilaksanakan bagi menampung defisit perbelanjaan operasi serta memastikan perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan kepada pelajar.
- e. Analisis terhadap kapasiti penggunaan katil kolej kediaman bagi tempoh tahun 2019 hingga 31 Julai 2022 mendapati **tahap penggunaan katil setiap semester adalah antara 26.9% hingga 87.1%**. Manakala penggunaan pada tahun 2019 adalah tertinggi iaitu antara 77.6% hingga 87.1%. Penggunaan yang rendah direkodkan pada tahun 2020 dan 2021 sebahagian besarnya dipengaruhi oleh pandemik Covid-19 menyebabkan permintaan terhadap kolej kediaman berkurang. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
KAPASITI PENGGUNAAN KATIL KOLEJ KEDIAMAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 31 JULAI 2022

SEMESTER	BILANGAN KATIL DIISI (Peratus Daripada Kapasiti Penuh)*			
	2019	2020	2021	2022**
Januari	5,049 (84.8%)	2,291 (38.5%)	1,929 (32.4%)	4,305 (72.3%)
Mei	4,619 (77.6%)	1,599 (26.9%)	1,921 (32.3%)	4,269 (71.7%)
September	5,187 (87.1%)	2,577 (43.3%)	2,630 (44.2%)	TB

Sumber: Statistik Kolej Kediaman Pelajar Tahun 2019, 2020, 2021 dan 2022

Nota: TB - Tidak Berkenaan


(*) - Peratus daripada kapasiti penuh dikira berdasarkan bilangan katil semasa iaitu 5,953 katil

(**) - Setakat 31 Julai 2022

- f. Analisis terhadap senarai pelajar aktif UTP bagi tempoh tahun 2019 hingga 31 Julai 2022 mendapati peratus menduduki kolej kediaman bagi pelajar program asasi dan ijazah sarjana muda adalah antara 2.9% hingga 100%. Pelajar pascasiswazah pula merekodkan peratus menduduki kolej kediaman antara 5.7% hingga 22% bagi tempoh yang sama.

- g. Semakan Audit mendapati peratus menduduki kolej kediaman pada tahun 2022 adalah tertinggi bagi pelajar asasi dan ijazah sarjana muda iaitu antara 80.3% hingga 100%. Trend menduduki kolej kediaman bagi pelajar pascasiswazah pula kekal rendah pada tahun 2019 hingga 2021 iaitu kurang daripada 23%.
- h. Pada tahun 2020 dan 2021, trend menduduki kolej kediaman dipengaruhi oleh pandemik Covid-19 seperti sekatan perjalanan antarabangsa dan domestik serta pengambilan pelajar terjejas akibat penangguhan keputusan SPM. Mengambil kira jumlah pelajar aktif UTP antara 6,158 hingga 7,272 bagi tempoh tahun 2019 hingga 31 Julai 2022 yang melebihi kapasiti katil kolej kediaman, masih terdapat ruang bagi menempatkan pelajar pascasiswazah untuk mengoptimumkan penggunaan katil kolej kediaman. Butiran lanjut berkaitan bilangan pelajar aktif adalah seperti dalam **Carta 11** dan peratus penggunaan katil kolej kediaman mengikut program adalah seperti dalam **Jadual 21**.

CARTA 11
BILANGAN PELAJAR AKTIF UTP
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 31 JULAI 2022



Sumber: Laporan Status Pelajar Aktif Tahun 2019, 2020, 2021 dan 2022
Nota: (*) - Setakat 31 Julai 2022

JADUAL 21
PERATUS PENGGUNAAN KATIL KOLEJ KEDIAMAN MENGIKUT PROGRAM
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 31 JULAI 2022

PROGRAM PENGAJIAN	SEMESTER	PERATUS PENGGUNAAN KATIL BERBANDING PELAJAR AKTIF (%)			
		2019	2020	2021	2022*
Asasi	Januari	13.4	14.3	4.2	80.3
	Mei	64.2	52.1	2.9	100
	September	99.8	94.2	23.1	TB
Ijazah Sarjana Muda	Januari	93.5	42.7	42.5	84.9
	Mei	75.6	20.3	42.3	81.7
	September	79.3	33.7	55.0	TB
Pascasiswazah	Januari	18.6	16.0	12.6	10.8
	Mei	17.8	14.3	13.6	5.7
	September	22.0	12.5	14.6	TB

Sumber: Statistik Kolej Kediaman Pelajar Tahun 2019, 2020, 2021 dan 2022

Nota: TB -Tidak Berkenaan

(*) - Setakat 31 Julai 2022

Maklum balas ITPSB yang diterima pada 28 Oktober 2022

Pengurusan kolej kediaman sedang bekerjasama dengan pihak pemegang taruh yang lain dalam mengenal pasti peluang untuk meningkatkan kapasiti penggunaan katil. Antara peluang yang sedang dipertimbangkan ialah penambahan pelajar baharu dan pelajar mobiliti, yang masih perlu diselaraskan dengan sumber yang sedia ada.

Pendapat Audit | **Kapasiti penggunaan katil kolej kediaman UTP masih belum mencapai tahap optimum menyebabkan kemapanan hasil operasi kolej kediaman tidak dapat dicapai dalam masa terdekat.**

5.3. Tadbir Urus Korporat

5.3.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab.

5.3.2. Secara keseluruhannya, ITPSB telah mengamalkan sepenuhnya tujuh daripada sembilan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Setiausaha Syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Prosedur Operasi Standard, Pelan Strategik, Pelan Perniagaan dan Petunjuk Prestasi Utama, Jawatankuasa Audit, Audit Dalam serta Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan. **Dua aspek amalan terbaik tadbir urus korporat lain yang tidak diamalkan sepenuhnya ialah aspek**

Pengerusi dan Lembaga Pengarah. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 22.**

JADUAL 22
PENEMUAN AUDIT BERKAITAN AMALAN TADBIR URUS KORPORAT

ELEMEN	AMALAN TERBAIK	PENEMUAN AUDIT
Pengerusi	MCCG 2021 amalan 1.2 dan amalan 2.1 serta Green Book perenggan 2.1.3: Tugas dan tanggungjawab Pengerusi untuk memupuk amalan tadbir urus yang baik, kepimpinan dan keberkesanan Lembaga Pengarah hendaklah dinyatakan secara jelas.	Tugas dan tanggungjawab Pengerusi tidak dinyatakan secara jelas.
Lembaga Pengarah	MCCG 2021 amalan 2.1 panduan G2.1: Lembaga Pengarah hendaklah mempunyai Piagam Lembaga Pengarah yang jelas menyatakan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah, ahli Lembaga Pengarah secara individu dan pengurusan syarikat serta isu dan keputusan yang tertakluk kepada Lembaga Pengarah.	ITPSB tidak mempunyai Piagam Lembaga Pengarah namun Perlembagaan Syarikat dan Akta Syarikat 2016 digunakan sebagai rujukan kepada Lembaga Pengarah.
	MCCG 2021 amalan 5.2: Sekurang-kurangnya separuh daripada komposisi Lembaga Pengarah hendaklah Pengarah berstatus bebas.	Kesemua lima ahli Lembaga Pengarah ITPSB berstatus bukan bebas.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum balas ITPSB yang diterima pada 28 Oktober 2022 dan 5 Januari 2023

Bagi aspek Pengerusi dan Piagam Lembaga Pengarah, secara dasarnya, Artikel 24, 35, 36, 44, 47 dan 54 dalam Perlembagaan Syarikat ITPSB ada menyatakan tentang tugas dan tanggungjawab Pengerusi. Akta Syarikat 2016 juga turut menyatakan secara terperinci tugas dan tanggungjawab Pengerusi. Bagaimanapun, ITPSB telah mempertimbangkan keperluan untuk mewujudkan Piagam Lembaga Pengarah dan memasukkan tugas dan tanggungjawab Pengerusi dalam Piagam Lembaga Pengarah sebagai langkah penambahbaikan berdasarkan MCCG 2021. Draf Piagam Lembaga Pengarah telah dirangka dan akan dikemukakan untuk kelulusan Lembaga Pengarah ITPSB pada suku pertama tahun 2023.

Bagi aspek komposisi Lembaga Pengarah, ITPSB sedia maklum bahawa kesemua lima ahli Lembaga Pengarah ITPSB berstatus bukan bebas kerana mereka merupakan wakil yang dilantik oleh pemilik tunggal ITPSB iaitu PETRONAS. Bagaimanapun, Lembaga Pengarah PETRONAS sedang menimbangkan untuk melantik Lembaga Pengarah ITPSB yang berstatus bebas pada masa akan datang.

Pendapat Audit | **Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus korporat ITPSB adalah baik.**

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

6.1. Secara keseluruhannya, objektif penubuhan ITPSB untuk menjalankan perniagaan universiti swasta telah tercapai. Keadaan ini disokong melalui keupayaan UTP mengekalkan penarafan dari dalam dan luar negara dan kadar kebolehpasaran graduan UTP yang baik dengan mencapai kadar 90% pada tahun 2021 berbanding 76.9% pada tahun 2020. Tahap kepuasan pelajar semakin meningkat daripada 87% pada tahun 2019 kepada 91% pada tahun 2021 dan melebihi tanda aras ditetapkan menunjukkan ITPSB cekap dalam menguruskan UTP.

6.2. Pencapaian KPI ITPSB adalah memuaskan. Bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, tiga daripada lima KPI tidak mencapai sasaran kerana faktor luar kawalan ITPSB terutamanya kesan pandemik Covid-19. Prestasi pengambilan pelajar baharu bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Julai 2022 mencapai antara 31.9% hingga 98.2% walaupun sasaran tidak berubah. Prestasi pencapaian akademik graduan UTP adalah baik kerana lebih 70% graduan berjaya memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang mengikut peringkat pengajian yang diambil. Bagaimanapun, prestasi kutipan yuran pelajar kurang memuaskan kerana RM58.35 juta hutang tertunggak telah dihapus kira mulai tahun 2019. Setakat 31 Julai 2022, hanya 5.2% hutang yang dihapus kira telah dikutip semula.

6.3. Pengurusan pengajaran dan pembelajaran adalah cekap dalam aspek akreditasi program serta permohonan dan pendaftaran pelajar manakala kompetensi tenaga pengajar adalah berkesan dalam penyampaian pengajaran. Pengurusan kolej kediaman pelajar dan kemudahan lain yang disediakan oleh ITPSB telah disenggara secara berkala dengan cekap bagi memenuhi keperluan dan keselesaan pelajar. Bagaimanapun, kapasiti penggunaan katil kolej kediaman UTP masih belum mencapai tahap optimum kerana tahap penggunaan setiap semester adalah antara 26.9% hingga 87.1% bagi tempoh tahun 2019 hingga 31 Julai 2022.

6.4. Tadbir urus korporat syarikat adalah baik dengan tujuh daripada sembilan aspek telah diamalkan sepenuhnya. Kedudukan kewangan ITPSB juga adalah stabil dengan keuntungan terkumpul berjumlah RM1.347 bilion setakat 31 Disember 2021.

7. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan prestasi dan memantapkan tadbir urus korporat yang baik, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah ITPSB perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan untuk menambah baik perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak yang berkepentingan perlu memberi pertimbangan terhadap syor berikut:

- i. meningkatkan pengambilan pelajar baharu selaras dengan sasaran KPI ITPSB;
- ii. meningkatkan kecekapan pengurusan kutipan yuran pelajar bagi mengurangkan hutang lapuk dan hapus kira hutang tertunggak;
- iii. mengoptimumkan penggunaan katil kolej kediaman bagi mencapai kemapanan hasil operasi kolej kediaman; dan
- iv. menambah baik tadbir urus korporat dalam aspek:
 - mewujudkan Piagam Lembaga Pengarah supaya terma rujukan berkaitan Lembaga Pengarah adalah jelas dan teratur; serta
 - melantik Pengarah Bebas bagi menganggotai Lembaga Pengarah ITPSB.